



Australian Government
**Australian Customs and
Border Protection Service**

PANDUAN UNTUK PENGEMBARA

Ketahui sebelum berangkat





Isi Kandungan

Pengenalan – Merancang untuk ke luar negara?	2
Adakah perjalanan ini untuk tujuan perniagaan?	3
Sebelum anda berangkat	3
Meninggalkan Australia	4
Kawalan keselamatan penerbangan	4
Berlepas melalui jalan laut	5
Berlepas dengan kapal persiaran	5
Tiba di Australia	6
Ketibaan melalui jalan laut	7
Ketibaan dengan kapal persiaran	7
Barangan yang dilarang dan disekat	8
Apa yang perlu saya isytiharkan? 8	
Konsesi bebas cukai	12
Skim Pembayaran Balik Pelancong (TRS)	14
Sekatan ke atas Cecair, Aerosol dan Gel	16
Rungutan dan Pujian	18
Borang barangan yang dieksport dalam bagasi penumpang	

PANDUAN UNTUK PENGEMBARA

Ketahui sebelum berangkat

Pengenalan – Merancang untuk ke luar negara?

Adakah anda salah seorang daripada 22 juta pengembara yang bersiap sedia untuk melalui lapangan terbang atau pelabuhan antarabangsa Australia tahun ini?

Jika benar, panduan ini akan membantu anda membuat persediaan untuk perjalanan anda dan memberi anda sedikit idea mengenai apa yang boleh anda jangka apabila anda melalui pemeriksaan Kastam dan Perlindungan Sempadan di lapangan terbang atau pelabuhan antarabangsa.

Para pegawai Kastam memainkan peranan penting dalam melindungi sempadan Australia daripada dimasuki barangan haram dan berbahaya serta individu yang tidak dibenarkan.

Mereka:

- memeriksa pasport apabila anda tiba di atau berlepas dari Australia
- memeriksa dokumen ketibaan dan berlepas pengembara
- menyoal dan memeriksa para pengembara dan bagasi mereka kalau-kalau terdapat barangan yang dilarang atau disekat
- memeriksa pesawat penerbangan kalau-kalau terdapat barangan yang dilarang atau disekat
- merampas barangan yang dilarang atau disekat
- mengadakan rondaan di landasan terbang dan kawasan pengendalian bagasi mengesan dan mencegah aktiviti jenayah
- menggunakan anjing pengesan Labrador untuk memeriksa individu dan bagasi demi mengesan dadah dan barangan yang dilarang dan disekat lain.
- mengutip duti dan cukai ke atas barangan yang diimport.

Pihak Kastam dan Perlindungan Sempadan menggunakan berbagai teknologi dan teknik untuk mengesan aktiviti haram, termasuk televisyen litar tertutup dan pengawasan rapi, dan berusaha memastikan impak yang minimum dirasakan oleh para penumpang di lapangan terbang atau pelabuhan.



Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Australia (The Australian Quarantine and Inspection Service) (AQIS) juga beroperasi di lapangan terbang dan pelabuhan dan anda akan perlu melepasi Kuarantin apabila anda melakukan pengembara ke Australia. Pegawai Kuarantin berganding bahu dengan pihak Kastam dan Perlindungan Sempadan di lapangan terbang dan pelabuhan demi memastikan yang para pengembara tidak membawa masuk bersama mereka produk tumbuhan, makanan atau haiwan yang tercemar atau dilarang ke negara ini.

Sebelum anda berangkat

1. Pastikan yang anda mengunjungi www.smarttraveller.gov.au sebelum anda melakukan perjalanan. Laman ini mempunyai beberapa petua untuk memastikan perjalanan anda ke luar negara lebih lancar dan mudah.
2. Baca panduan ini untuk memastikan yang anda tidak membawa bersama anda barangan yang dilarang atau disekat.
3. Jika anda akan membawa ubat-ubatan untuk kegunaan peribadi, sila rujuk halaman 9, dalam panduan ini.
4. Pastikan dengan doktor anda dan dapatkan maklumat tentang sama ada anda memerlukan pengesahan vaksinasi Demam Kuning sebelum memasuki Australia.
5. Fahami tentang hak konsesi bebas cukai peribadi anda di Australia dan destinasi luar negara anda. Untuk maklumat lanjut sila rujuk halaman 12.
6. Mengunci bagasi tangan serta bagasi yang didaftarkan adalah satu langkah yang bijak.

Adakah perjalanan ini untuk tujuan perniagaan?

Sekiranya tujuan perjalanan anda adalah untuk perniagaan, sila rujuk maklumat pengembara perniagaan di www.customs.gov.au



PANDUAN UNTUK PENGEMBARA

Ketahui sebelum berangkat

Meninggalkan Australia

Semasa meninggalkan Australia anda perlu menyerahkan kepada Pegawai Kastam dan Perlindungan Sempadan pasport, Kad Penumpang Keluar yang dilengkapkan dan pas menaiki pesawat anda.

Anda juga akan perlu melalui tempat pemeriksaan kawalan keselamatan lapangan terbang.

Kawalan keselamatan penerbangan

Terdapat had bagi item yang anda boleh bawa dalam bagasi tangan apabila anda memasuki atau keluar dari Australia.

Ini termasuk senjata, bahan letupan, objek tajam dan berbagai cecair, aerosol dan gel. Untuk maklumat lanjut mengenai LAG sila lihat halaman 16 atau kunjungi www.infrastructure.gov.au

Petua

1. Tiba di lapangan terbang awal supaya anda ada masa yang banyak untuk mendaftar masuk ke sistem penerbangan anda, mengisi borang yang berkaitan, melalui kawasan pemeriksaan Kastam dan Perlindungan Sempadan dan kawalan keselamatan serta memproses sebarang tuntutan Skim Pembayaran Balik Pelancong (TRS).
2. Jika anda memiliki barangan peribadi yang berharga seperti komputer atau kamera yang anda bawa bersama yang:
 - a. anda berhasrat untuk membawa kembali ke Australia
 - b. anda tidak menuntut pembayaran balik TRS
 - c. bukan barangan bebas cukai

*maka anda boleh mendaftarkan barangan ini dalam Borang Barangan Yang Dieksport Dalam **Bagasi Penumpang (Goods Exported in Passenger Baggage Form)** (Borang ini boleh didapati di penghujung dokumen ini). Barangan ini hendaklah diperiksa oleh pegawai yang bertugas di pejabat Kastam dan Perlindungan Sempadan di tempat berlepas.*

Borang ini boleh didapati di laman web kami di www.customs.gov.au atau daripada mana-mana pejabat Kastam dan Perlindungan Sempadan. Setelah mendaftar, anda tidak perlu lagi mengisytiharkan barangan ini kepada pihak Kastam dan Perlindungan Sempadan semasa anda kembali ke sini. Simpan borang lengkap ini di tempat yang selamat dan mudah dicari untuk ditunjukkan kepada pihak Kastam dan Perlindungan Sempadan semasa anda kembali ke Australia.

Berlepas melalui jalan laut

Sekiranya anda meninggalkan Australia melalui jalan laut, anda akan perlu melepasi pelabuhan sebelum anda boleh masuk ke kapal anda. Anda perlu menyerahkan kepada pihak Kastam dan Perlindungan Sempadan pasport dan Kad Penumpang Keluar anda untuk pelepasan keluar di lokasi dan pada masa yang dimaklumkan oleh kapal berkenaan.

Berlepas dengan kapal persiaran

Jika anda meninggalkan Australia menggunakan perahu layar atau kapal persiaran, sila rujuk maklumat untuk melakukan perjalanan masuk dan keluar dari Australia dengan perahu layar di www.customs.gov.au

- ! Kad Penumpang Keluar anda adalah sebuah dokumen undang-undang. Penalti boleh dikenakan kerana tidak mengisi Kad Penumpang keluar anda dengan betul dan sekiranya anda membuat pengisytiharan palsu.

JANGAN LUPA – JIKA RAGU-RAGU, ISYTIHARKANNYA



PANDUAN UNTUK PENGEMBARA

Ketahui sebelum berangkat

Tiba di Australia

Serahkan pasport dan Kad Penumpang Masuk anda yang sudah dilengkapkan kepada pegawai Kastam dan Perlindungan Sempadan sebelum menuntut bagasi anda. Kemudian lalui kawasan pemeriksaan Kastam dan Perlindungan Sempadan dan Kuarantin dan ikuti arahan pegawai Kastam dan Perlindungan Sempadan atau Kuarantin tersebut.

Bagasi anda mungkin melalui imbasan sinar-x atau diperiksa oleh pihak Kastam dan Perlindungan Sempadan atau Kuarantin untuk mengesan barangan yang dilarang, disekat atau yang boleh dicukai dan anda boleh disoal oleh para pegawai ini.

Anda mungkin melihat berbagai jenis anjing menjalankan tugas di dewan penumpang:

- Pihak Kastam dan Perlindungan Sempadan menggunakan anjing Labrador untuk mengesan dadah dan barangan yang dilarang atau disekat.
- Pihak Kuarantin menggunakan anjing jenis 'Beagle' untuk mengesan bahan makanan, tumbuhan atau haiwan.
- Jika anda didapati membawa barangan yang tidak diisytiharkan, dilarang atau disekat, anda boleh dikenakan denda atau didakwa

Jika anda memegang ePassport dan berumur 18 tahun atau lebih, anda mungkin layak untuk menggunakan SmartGate semasa tiba di lapangan terbang Australia.

SmartGate membolehkan data anda diproses secara sendiri semasa melalui kawalan pasport dengan menggunakan teknologi ePassport dan pengenalan wajah. Untuk maklumat lanjut kunjungi www.customs.gov.au

Petua

1. Lengkapkan Kad Penumpang Masuk anda semasa anda berada di dalam kapal terbang – ini akan menjimatkan masa anda apabila anda mendarat.
2. Pastikan pasport anda dan Kad Penumpang Masuk yang sudah dilengkapkan sentiasa tersedia untuk diserahkan kepada pegawai Kastam dan Perlindungan Sempadan.
3. Isytiharkan pada Kad Penumpang Masuk anda semua dadah dan ubat, produk makanan, tumbuhan dan haiwan atau barangan lain yang tersenarai sebagai barangan yang disekat dalam bahagian berkenaan panduan ini.
4. Pastikan anda mengetahui konsesi bebas cukai Kastam dan Perlindungan Sempadan sebelum anda membeli belah. Sila lihat halaman 12 untuk maklumat lanjut.

Ketibaan melalui jalan laut

Apabila anda tiba di pelabuhan ketibaan masuk ke Australia, anda perlu menyerahkan pasport dan Kad Penumpang Masuk anda yang sudah dilengkapkan kepada pihak Kastam dan Perlindungan Sempadan. Semasa meninggalkan kapal secara kekal, sama ada di pelabuhan pertama atau di pelabuhan berikutnya, anda perlu menyerahkan bagasi dan kad Penumpang Masuk kepada pihak Kastam dan Perlindungan Sempadan untuk pelepasan.

Dalam sesetengah keadaan, pegawai Kastam dan Perlindungan Sempadan mungkin memeriksa pasport dan Kad Penumpang masuk semasa di dalam kapal sebelum tiba di pelabuhan Australia.

Ketibaan dengan kapal persiaran

Jika anda tiba di Australia menggunakan perahu layar atau kapal persiaran lain, sila rujuk maklumat untuk perahu layar yang belayar masuk dan keluar dari Australia di www.customs.gov.au

Kad Penumpang Keluar anda adalah sebuah dokumen undang-undang. Penalti boleh dikenakan kerana tidak mengisi Kad Penumpang Masuk dengan betul dan sekiranya anda membuat pengisytiharan palsu.

JANGAN LUPA – JIKA RAGU-RAGU, ISYTIHARKANNYA

Telefon mudah alih, kamera, kamera video dan alat rakaman tidak boleh digunakan di kawasan kawalan Kastam dan Perlindungan Sempadan di lapangan terbang dan pelabuhan.

Jika anda sedang menggunakan telefon, anda akan diminta menamatkan panggilan sehingga anda telah melepasi Kastam dan Perlindungan Sempadan. Pihak Kastam dan Perlindungan Sempadan boleh dan akan meminta anda menghapuskan foto atau filem yang dirakam jika anda didapati mengambil foto atau merakam di kawasan kawalan Kastam dan Perlindungan Sempadan.

PANDUAN UNTUK PENGEMBARA

Ketahui sebelum berangkat

Barangan yang dilarang dan disekat

Membawa dadah termasuk kanabis, heroin

kokaina dan amfetamina masuk ke atau keluar dari Australia adalah satu kesalahan di sisi undang-undang.

Barangan palsu dan pornografi yang menjelikkan juga dilarang.

Barangan lain mungkin disekat. Anda akan memerlukan permit untuk membawa barangan ini masuk ke dan keluar dari Australia.

Sila lihat halaman 11 untuk ringkasan mengenai apa anda boleh dan tidak boleh membawa dan apa yang anda perlu isytiharkan pada Kad Penumpang Masuk dan Keluar anda. Penalti boleh dikenakan sekiranya anda tidak mengisytiharkan barangan yang dilarang atau disekat dan kerana membuat pengisytiharan palsu pada Kad Penumpang Masuk dan Keluar anda.

Hubungi pihak Kastam dan Perlindungan Sempadan Australia atau kedutaan, pejabat pesuruhjaya tinggi atau konsul negara yang anda lawati untuk mendapat maklumat mengenai pengimportan dan pengeksportan barangan yang dilarang dan disekat, sebelum anda melakukan perjalanan.

Apa yang perlu saya isytiharkan?



Senjata api, senjata, dan amunisi/peluru

Anda hendaklah mengisytiharkan senjata api, senjata dan amunisi/peluru termasuk senjata api sebenar dan replika dan senapang angin BB yang mengeluarkan pelet melalui gas yang dimampatkan, lazimnya dibeli sebagai senapang "mainan". Senjata lain seperti penanda bola cat (paintball) sumpit, semua jenis pisau, senjata neng-cuk, lastik, busur silang, peranti kejutan elektrik dan senjata buku jari hendaklah juga diisytiharkan. Ada di antara item ini mungkin memerlukan permit, kuasa polis dan ujian keselamatan sebelum diimport.



Dadah yang mempertingkatkan prestasi dan imej

Kesemua dadah yang mempertingkatkan prestasi dan imej hendaklah diisytiharkan semasa ketibaan. Ini merangkumi hormon pertumbuhan, DHEA dan kesemua steroid anabolik dan androgenik. Item ini tidak boleh diimport masuk ke Australia tanpa permit.



Mata Wang

Tiada had jumlah mata wang yang anda boleh bawa masuk ke atau keluar dari Australia. Walau bagaimanapun, anda hendaklah mengisytiharkan wang yang berjumlah A\$10,000 atau lebih dalam mata wang Australia atau nilai yang sama dalam mata wang asing. Jika diminta oleh pihak Kastam dan Perlindungan Sempadan anda hendaklah mengisi borang Instrumen Boleh Niaga Pembawa (Bearer Negotiable Instruments) (BNI) jika anda membawa nota janji, cek kembara, cek peribadi, kiriman wang atau wang pos.



Barangan makanan, tumbuhan, haiwan atau biologi

Isytiharkan semua barangan makanan, tumbuhan dan haiwan, peralatan yang digunakan pada haiwan, bahan biologi, tanah dan pasir kepada pihak Kuarantin setibanya anda di sana. Sekiranya tidak, anda boleh dikenakan denda pada waktu itu juga atau boleh didakwa.



Ubat-ubatan

Anda perlu mengisytiharkan kepada pihak Kastam dan Perlindungan Sempadan dadah dan ubat-ubatan termasuk ubat preskripsi, ubat alternatif, ubat herba dan tradisional, formula persediaan vitamin dan mineral. Ada di antara produk yang memerlukan pelepasan kuarantin dan/atau surat atau preskripsi daripada doktor, yang menghuraikan ubat anda dan masalah perubatan anda. Kerajaan Australia memberi subsidi kewangan untuk ubat preskripsi di bawah Skim Faedah farmaseutikal (Pharmaceutical Benefits Scheme) (PBS). Anda hanya boleh membawa keluar jumlah ubat yang anda perlukan dari Australia. Bawa surat pakar perubatan atau perģigian anda atau lengkapkan Pengisytiharan Eksport Ubat PBS (PBS Medicine Export Declaration) yang boleh didapati daripada Medicare Australia.



PANDUAN UNTUK PENGEMBARA

Ketahui sebelum berangkat



Hidupan liar yang dilindungi

Undang-undang Australia yang ketat mengawal pengimportan dan pengeksportan hidupan liar yang dilindungi serta barangan yang berkaitan. Ini termasuk produk ubat-ubatan tradisional dan produk yang dikawal atur seperti karang, orkid, kaviar, produk gading dan berbagai peragaan pemburuan.



Barangan yang disenaraikan sebagai warisan

Anda perlu memohon permit untuk mengimport atau mengeksport barangan yang disenaraikan sebagai warisan seperti hasil seni, setem, duit syiling, objek arkeologi, mineral dan spesimen.



Produk veterinar

Isytiharkan dadah dan ubat veterinar. Ini termasuk produk yang mengandungi bahan yang dilarang jika tiada permit.



Barangan pertahanan dan strategik

Permit diperlukan untuk mengimport dan mengeksport barangan pertahanan dan strategik. Untuk maklumat lanjut mengenai barangan yang memenuhi kategori ini, sila rujuk lembaran fakta kawalan Eksport Kastam dan Perlindungan Sempadan bagi barangan pertahanan dan strategik di www.customs.gov.au



MENGISYTIHARKAN BARANGAN YANG DISEKAT

Item	Isytiharkan semasa tiba	Isytiharkan semasa Berlepas	Untuk maklumat lanjut, sila hubungi
Senjata api, senjata dan amunisi/peluru	Ya	Ya	Customs and Border Protection
Dadah untuk mempertingkatkan prestasi dan imej	Ya	Ya	Australian Sports Anti-Doping Authority Therapeutic Goods Administration
Mata Wang A\$10, 000 atau lebih	Ya	Ya	AUSTRAC
Barangan makanan tumbuhan, haiwan dan biologi	Ya	Ya	Australian Quarantine and Inspection Service
Produk ubat-ubatan	Ya	Ya	Medicare Australia Therapeutic Goods Administration
Hidupan liar yang dilindungi dan produk hidupan liar	Ya	Ya	Department of the Environment, Water, Heritage and the Arts
Barangan yang disenaraikan sebagai warisan	Ya	Ya	Department of the Environment, Water, Heritage and the Arts
Produk veterinar	Ya	Ya	Australian Pesticides and Veterinary Medicines Authority
Produk pertahanan dan strategik	Ya	Ya	Department of Defence

Butiran hubungan bagi organisasi yang berkaitan disenaraikan pada bahagian belakang panduan ini.

Memiliki dan mengedar dadah adalah jenayah yang serius. Di banyak negara anda boleh dihukum bunuh atau dipenjarakan seumur hidup.

JANGAN BAWA DADAH – BILA JUA PUN, DI MANA JUA.

PANDUAN UNTUK PENGEMBARA

Ketahui sebelum berangkat

Konsesi bebas cukai

Konsesi bebas cukai di Australia berbeza berbanding dengan yang terdapat di negara lain.

Kebanyakan item peribadi seperti pakaian, kasut, dan artikel kebersihan dan dandanan diri (tidak termasuk bulu binatang dan sari wangian) boleh dibawa masuk ke Australia dalam bagasi yang mengiringi anda, bebas daripada duti dan cukai.

Barangan peribadi bebas daripada duti dan cukai jika ia:

- dimiliki dan digunakan oleh anda di luar negara selama 12 bulan atau lebih lama
- diimport untuk sementara waktu (sekuriti mungkin diperlukan oleh pihak Kastam dan Perlindungan Sempadan)

Bagi barangan lain, terdapat had yang berkuat kuasa. Ini termasuk barangan yang dibeli di luar negara dan barangan yang dibeli di Australia bebas daripada duti dan cukai (yang telah dieksport sebelum ini), atau daripada kedai bebas cukai semasa anda tiba di Australia. Turut termasuk adalah barangan yang tuntutan TRS sudah dibuat. Konsesi bebas cukai tidak berkuat kuasa bagi barangan komersial.



barangan am

Jika anda berumur 18 tahun atau lebih, anda boleh membawa barangan am bernilai sehingga A\$900 memasuki Australia bebas daripada cukai. Jika anda berusia di bawah 18 tahun terdapat had A\$450. Barangan am merangkumi hadiah, cenderamata, kamera, peralatan elektronik, barangan kulit, sari wangian, barang kemas, jam tangan dan peralatan sukan.

Alkohol

Jika anda berumur 18 tahun atau lebih, anda boleh membawa 2.25 liter alkohol memasuki Australia bersama anda secara bebas daripada cukai. Kesemua alkohol dalam bagasi yang mengiringi termasuk dalam kategori ini, tanpa mengira di mana dan bagaimana ia dibeli.

Tembakau

Jika anda berumur 18 tahun atau lebih, anda boleh membawa 250 batang rokok, atau 250 gram cerut atau produk tembakau memasuki Australia bersama anda secara bebas daripada cukai. Kesemua produk tembakau dalam beg yang mengiringi termasuk dalam kategori ini, tanpa mengira di mana dan bagaimana ia dibeli.

Keluarga yang melakukan perjalanan dalam satu kumpulan boleh mengumpulkan konsesi bebas cukai mereka. Hubungi pihak Kastam dan Perlindungan Sempadan untuk takrifan keluarga.

! Anda dimaklumkan bahawa sekiranya anda melampaui had konsesi bebas cukai Australia, anda akan dikenakan duti dan cukai ke atas semua item jenis ini (barangan am, alkohol atau tembakau), dan bukan sahaja ke atas item yang melampaui had ini.

PANDUAN UNTUK PENGEMBARA

Ketahui sebelum berangkat

Skim Pembayaran Balik Pelancong (TRS)

Semasa berlepas anda mungkin boleh menuntut pembayaran balik GST dan Cukai Penyamaan Wain (Wine Equalisation Tax) (WET) di bawah TRS jika anda:

- seorang penumpang, dan bukan kru udara atau laut yang beroperasi
- membeli nilai minimum barangan \$300 (termasuk GST) daripada satu peruncit
- membeli barangan tersebut dalam tempoh 30 hari dari hari anda akan meninggalkan Australia
- mempunyai invoice cukai tunggal bagi barangan ini
- memakai atau membawa barangan sebagai bagasi tangan ke dalam kapal terbang atau kapal. Syarat khas berkuat kuasa bagi barangan yang 'terlalu besar (oversized)' (seperti kayu golf dan papan luncur air), dan barangan yang tidak boleh dimasukkan ke dalam kapal terbang sebagai bagasi tangan disebabkan oleh langkah keselamatan penerbangan (seperti pewangi dan wain). Untuk maklumat lanjut, sila hubungi pihak Kastam dan Perlindungan Sempadan.
- serahkan invoice cukai asal, barangan, pasport dan pas menaiki pesawat antarabangsa anda kepada kemudahan TRS semasa meninggalkan Australia.

Kastam dan Perlindungan Sempadan berhak untuk melihat semua barangan. Jika anda tidak dapat menghasilkan barangan untuk dilihat oleh pihak Kastam dan Perlindungan Sempadan atas permintaan mereka, atau tidak dapat menghasilkan bukti bahawa pihak Kastam dan Perlindungan Sempadan telah melihat barangan anda di tempat anda berlepas dari Australia, tuntutan anda akan dinafikan.

Jika anda mempertimbangkan untuk membawa balik ke Australia barangan yang tuntutan TRSnya telah di buat, sila ambil perhatian bahawa ia mungkin dikenakan duti dan cukai.

Jika nilai barangan ini digabungkan dengan nilai pembelian di luar negara dan barangan yang dibeli di Australia secara bebas duti atau bebas cukai melebihi had konsesi bebas cukai penumpang, barangan ini hendaklah diisytiharkan kepada pihak Kastam dan Perlindungan Sempadan semasa anda kembali ke Australia. Penalti boleh dikenakan ke atas barangan boleh cukai yang tidak diisytiharkan.

Sila pastikan anda mempunyai masa yang banyak untuk membolehkan tuntutan TRS anda diproses sebelum tamat tempoh bagi kapal terbang/kapal anda berlepas.

Tuntutan di lapangan terbang hanya boleh dibuat sehingga 30 minit sebelum kapal terbang anda dijadualkan berlepas.

Tuntutan di pelabuhan kapal boleh dibuat tidak lebih awal dari 4 jam sebelum dan tidak lewat dari 1 jam sebelum kapal anda dijadualkan berlepas.



PANDUAN UNTUK PENGEMBARA

Ketahui sebelum berangkat

Sekatan ke atas Cecair, Aerosol dan Gel

Kesemua penerbangan antarabangsa Australia yang masuk dan keluar tertakluk pada sekatan skrin kawalan keselamatan bagi cecair, aerosol dan gel (LAG).

Sebagai pengembara anda tidak boleh membawa ke dalam kapal terbang lebih daripada jumlah satu liter barangan LAG. LAG hendaklah disimpan dalam bekas yang saiznya tidak melebihi 100ml setiap satu dan boleh dimuatkan dengan selesa ke dalam beg plastik lut sinar satu liter yang boleh dikedap semula.

Sekatan LAG berkuat kuasa bagi jenis cecair, aerosol dan gel berikut tetapi tidak terhad pada:

- air dan minuman lain, sup, sirap, jem, stu, sos dan pes.
- makanan dalam sos atau yang mengandungi kandungan cecair yang tinggi
- krim, losen, kosmetik, dan minyak
- wangian
- gel termasuk untuk rambut dan gel mandian
- kandungan dalam bekas yang bertekanan, termasuk busa cukur, busa lain dan deodoran
- pes termasuk ubat gigi
- maskara
- pengilat bibir atau balsam bibir dan
- sebarang item yang mempunyai konsistensi yang sama pada suhu bilik
- Pengecualian berkuat kuasa bagi ubat-ubatan/produk ubat-ubatan dan produk bayi.

Untuk maklumat lanjut sila hubungi Department of Infrastructure, Regional Development and local Government.

Di manakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

Customs and Border Protection

1300 363 263

www.customs.gov.au

Australian Quarantine and Inspection Service

1800 020 504

+ 61 2 6272 3933 (tel)

www.aqis.gov.au

Australian Sports Anti-Doping Authority

1800 020 506

+61 2 6206 0200 (tel)

www.asada.org.au

Australian Pesticides and Veterinary Medicines Authority

+ 61 2 6272 5852 (tel)

www.apvma.gov.au

AUSTRAC

1800 021 037

+ 61 2 9950 0055 (tel)

www.austrac.gov.au

Department of Defence

1800 66 1066

www.defence.gov.au

Department of Foreign Affairs and Trade (DFAT)

1300 139 281

www.smartraveller.gov.au

PANDUAN UNTUK PENGEMBARA

Ketahui sebelum berangkat

Department of the Environment, Water, Heritage and the Arts

+ 61 2 6274 1111 (tel)
www.environment.gov.au

Department of Infrastructure, Transport, Regional Development and Local Government

+61 2 6274 7111 (tel)
www.infrastructure.gov.au

Medicare Australia

1800 500 147
www.medicareaustralia.gov.au

Therapeutic Goods Administration

1800 020 653
+ 61 2 6232 8791 (tel)
+ 61 2 6232 8605 (facs)
www.tga.gov.au

Travel and Tourism Australia

www.australia.com

Rungutan & Pujian

Untuk menawarkan komen mengenai mana-mana aspek perkhidmatan pihak Kastam dan Perlindungan Sempadan , sama ada lengkapkan brosur Rungutan & Pujian yang boleh di dapati daripada mana-mana pejabat Kastam dan Perlindungan Sempadan , hubungi talian 1800 228 227 (di Australia) atau hantarkan e-mel kepada comments@customs.gov.au



Untuk mendapatkan maklumat mengenai sebarang hal ehwal berkaitan pihak Kastam dan Perlindungan Sempadan, sila hubungi Pusat Bantuan dan Maklumat Kastam di talian 1300 363 263 atau hantarkan e-mel kepada information@customs.gov.au atau kunjungi laman webnya di www.customs.gov.au

Maklumat yang terkandung dalam brosur ini tepat semasa dicetak.

September 2008





Australian Government
Australian Customs and
Border Protection Service

**Barangan Yang Dieksport
Dalam Bagasi Penumpang**

I Nombor Pasport.....
(Masukkan nama penuh) Negara yang Mengeluarkan.....
dari
(masukkan alamat)

yang lazimnya domisil di Australia, mengesahkan bahawa barangan yang disenaraikan di bawah adalah hak milik saya dan

1 (a) tidak dibeli di Australia secara bebas duti/cukai Kastam; **DAN**
(b) tidak akan tertakluk pada tuntutan di bawah Skim Pembayaran Balik Pelancong

ATAU

2 adalah barangan yang dibeli di Australia secara bebas duti/cukai Kastam dan sebelum ini telah diimport oleh saya.

Huraian mengenai Barangan (*Termasuk Buatan dan Model*)

NOTA: JANGAN MASUKKAN:

- **BARANGAN YANG DIBELI SECARA BEBAS DUTI/CUKAI DI AUSTRALIA KECUALIA TELAH DIIMPORT SEBELUM INI**
- **BARANGAN YANG TIDAK BOLEH DIKENAL PASTI DENGAN MUDAH (CONTOH BARANG KEMAS)**
- **BARANGAN YANG AKAN TERTAKLUK PADA TUNTUTAN DI BAWAH SKIM PEMBAYARAN BALIK PELANCONG.**

Nombor Siri	Bilangan

Tidak sah kecuali baris yang tidak digunakan dibatalkan

Saya mengisytiharkan bahawa butiran yang dinyatakan di atas benar dan tepat setakat pengetahuan saya.

tandatangan Tarikh

Tandatangan Pegawai Kastam dan Perlindungan Sempadan	Nama Penuh (Dengan Huruf Cerai)
	Pelabuhan

AMARAN: MEMBERI KENYATAAN PALSU ATAU YANG MENGELIRUKAN KEPADA PEGAWAI KASTAM DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN ADALAH SATU KESALAHAN DAN BOLEH MELIBATKAN PENALTI YANG BERAT, TERMASUK SEBARANG ARTIKEL BERKENAAN DIRAMPAS.

Untuk mendapatkan maklumat mengenai sebarang hal ehwal berkaitan pihak Kastam dan Perlindungan Sempadan, sila hubungi Pusat Bantuan dan Maklumat Kastam di talian 1300 363 263 atau hantarkan e-mel kepada information@customs.gov.au atau kunjungi laman webnya di www.customs.gov.au

Maklumat yang terkandung dalam brosur ini tepat semasa dicetak.

September 2008